



- C tidak akan memaafkan
- D tidak akan bermaaf-maafan

6. "Hubungat erat penduduk Taman Cempaka yang harmoni harus kita teladani," kata wakil rakyat itu.
- A kita harus teladani
 - B kita harus meneladani
 - C harus kita meneladani
 - D harus kita teladani

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

7. I Zaidi menunggu ibunya di stesen kereta api sejak pukul 7:30 pagi.
II Sesetengah ibu bapa tidak mengambil berat tentang pelajaran anak mereka.
III Adalah dimaklumkan bahawa mesyuarat agung Persatuan Bahasa Melayu akan diadakan pada hari Rabu.
IV Murid-murid nakal itulah yang mengotori pusat sumber sekolah pada petang semalam.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja
8. I Sayur-sayuran yang dijual di pasar tani itu segar-bugar belaka.
II Oleh kerana hari hujan, Pak Mail tidak menoreh getah pagi ini.
III "Tolong angkat beg ini ke bilik tamu," kata ibu.
IV Walaupun tinggal berjauhan, mereka sering berbalas-balas e-mel.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

9. Doktor Haikal memaklumkan keadaan kesihatan Alif semakin baik kepada Encik Zaini.

- A "Keadaan kesihatan Alif semakin baik," kata Doktor Haikal kepada Encik Zaini.
- B "Kata Doktor Haikal kepada Encik Zaini, keadaan saya bertambah baik," kata Alif.
- C "Keadaan kesihatan kalian bertambah baik," kata Doktor Haikal kepada Encik Zaini dan Alif.
- D "Doktor Haikal memberitahu saya bahawa keadaan kesihatannya bertambah baik," kata Alif kepada Encik Zaini.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

10. Kematian pak ngah menyebabkan mak ngah menanggung beban kehidupan yang _____.
- A malas seperti keldai
 - B putih macam kapas
 - C berat seperti batu
 - D sibuk macam lebah

Baca bahan di bawah dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah.

Pantun Dua Kerat (Nasihat)

Berapa jauh wujud dengan sifat,
Sejauh lutut dengan *pelipat*.

Sarang semut dalam gelap,
Orang selimut selalu lelap.

Hitam-hitam pucuk kawa,
Sungguh hitam dipandang lawa.

Emas, perak, tembaga, suasa,
Malas bergerak tidak merasa.

Buah sintang buah senikul,
Satu memegang satu memikul.

ABDUL HADI YUSOF

Dipetik daripada Antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia

Ujian 5

11. Berdasarkan Pantun Dua Kerat (Nasihat), kata *pelipat* bermaksud
 - A kulit yang berlipat.
 - B sesuatu yang dilipat.
 - C garisan pada sesuatu.
 - D bahagian di belakang lutut.
12. Apakah yang ingin disampaikan oleh penulis pantun menerusi rangkap 2?
 - A Hubungan yang erat antara sesama manusia
 - B Orang yang leka dan malas akan ketinggalan
 - C Rupa paras amat penting untuk berjaya dalam hidup
 - D Emas dan permata lambang kejayaan hidup seseorang
13. Berikut ialah nilai yang terkandung dalam pantun **kecuali**
 - A kerajinan.
 - B kerjasama.
 - C hemah tinggi.
 - D hormat-menghormati.
14. Tema Pantun Dua Kerat (Nasihat) ialah
 - A nasihat untuk mencari kekayaan.
 - B nasihat untuk mengejar pangkat dan kuasa.
 - C nasihat untuk menjadi cantik dan kacak.
 - D nasihat untuk mencapai kebaikan dalam hidup.
15. Berdasarkan pantun, nyatakan punca-punca yang memungkinkan seseorang itu gagal dalam hidupnya.
 - A Bersikap malas, leka, dan lalai dalam hidup
 - B Mementingkan rupa paras
 - C Bercampur gaul dengan orang yang malas
 - D Tidak mahu bekerjasama dengan orang lain